



Ibu bapa puas hati skim TUNAS

muka 10



Rakyat mahu Kerajaan Negeri urus air

muka 4&5



## MUFAKAT MENUJU PUTRAJAYA...

Pimpinan Pakatan Rakyat sedia menggalas amanah dan harapan rakyat bagi merealisasikan Malaysia yang lebih gemilang serta makmur di bawah gagasan itu melalui Manifesto Rakyat, 'Pakatan Harapan Rakyat' yang dibentangkan semasa Konvensyen Pakatan Rakyat kali Ke-4 yang diadakan di Shah Alam Convention Center

BERITA LANJUT MUKA 6&7

Gambar oleh Shuaib Ayob

# RM4,000 sebulan jika PR memerintah

Oleh AFEEQA AFEERA dan MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Pakatan Rakyat (PR) mensasarkan setiap keluarga di Malaysia akan membawa pulang pendapatan isi rumah sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan selepas penggal pertama pemerintahan di Putrajaya.

Ini dilakukan dengan menambahkan 1 juta peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia, menetapkan gaji minima ke RM1,100 sebulan dan bantuan kepada usahawan kecil dan sederhana untuk tingkatkan pendapatan mereka.

Sasaran tersebut terkandung di dalam Manifesto PR yang bertemakan 'Pakatan Harapan Rakyat' yang berteraskan empat tonggak utama, iaitu Rakyat Bersaudara, Ekonomi Rakyat, Kesejahteraan Rakyat dan Kerajaan Rakyat.

Di bawah tunjang 'Ekonomi Rakyat', PR akan mengurangkan tenaga bu-

ruh asing sebanyak 1 juta berperingkat-peringkat selama lima tahun dan pekerjaan-pekerjaan tersebut akan disasarkan terhadap rakyat tempatan.

Pentadbiran PR juga akan memastikan bahawa setiap pekerja dibayar sekurang-kurangnya RM1,100 sebulan dan satu tabung RM2 billion akan diadakan bagi membantu syarikat industri kecil dan sederhana melaksanakan dasar tersebut.

"Penetapan gaji minima RM1,100 adalah penting dan utama.

"Apabila berlaku peningkatan gaji maka ia akan menstruktur keseluruhan skema gaji dan itu akan mengimbangkan ketidakadilan daripada perbezaan gaji," kata Pengarah

Strategi PKR, Rafizi Ramli.

Ujar Rafizi, menyediakan peluang pekerjaan yang bermutu dan berkualiti akan turut membantu mempertingkatkan jumlah pendapatan isi rumah kepada RM4,000.



"Masalah utama yang dihadapi negara sekarang ialah banyak pekerjaan yang dikategorikan kurang kemahiran yang banyak menggunakan tenaga asing," katanya.

PR juga akan akan meluaskan jalur pendapatan agar kadar cukai 26 peratus hanya mula dibayar bagi pendapatan boleh cukai melebihi RM 400,000 berbanding pendapatan RM 250,000 sekarang.

Ini bagi menggambarkan realiti kos sara hidup yang ditanggung oleh rakyat.

## 90% manifesto 2008 ditunai

SHAH ALAM - Lebih 90 peratus daripada 23 janji di dalam manifesto Pakatan Rakyat Selangor 2008 sedang dilaksanakan, manakala inisiatif seperti pemberian air percuma 20 meter padu dan skim mikroredit merupakan dasar baru.

Sebanyak 16 daripada 23 janji tersebut dilaksanakan. Ini seperti hadiah anak masuk universiti, tabung anak Selangor (TAWAS), perlindungan insurans usia emas dan meningkatkan pendapatan petani kepada RM 1,200 sebulan.

Manakala terdapat dasar yang sedang di dalam perancangan untuk menepati lapan janji lagi seperti menyediakan pendidikan pra-sekolah percuma untuk kanak-kanak, elaun khas suri rumah dan memberikan perkhidmatan percuma bagi warga emas di hospital kerajaan.

Menurut data daripada sekretariat akhbar pejabat Menteri Besar Selangor, terdapat enam dasar yang tidak dimasukkan ke dalam manifesto tetapi dilaksanakan Kerajaan Negeri sejak 2008.

Selain skim air percuma 20 m<sup>3</sup>, dasar-dasar tersebut termasuk skim mikroredit bandar dan luar bandar (Mimbar dan Skimsel), Tabung Anak Pekerja Ladang, Program Tuisyen Rakyat, Skim Perumahan Pekerja Ladang dan bantuan pengurusan bangunan.

SENARAI PENUH LIHAT MUKA 2



MANIFESTO PAKATAN RAKYAT SELANGOR 2008	STATUS			CONTOH
	SELESAI	DP	AD	
<b>PENTADBIRAN</b> Memastikan Exco dan Adun sentiasa bersih daripada penyelewengan sepanjang perkhidmatan Menubuhkan badan khas untuk menyoiasat segala penyelewengan yang berlaku berkaitan pentadbiran tanah dan sumber-sumber negeri Memberhentikan projek-projek membazir yang merugikan dan tidak memberi manfaat secara langsung kepada rakyat	OK OK OK			Selcat (siasat perbelanjaan Adun) Selcat, Enakmen FOI & SELESA, deklasifikasi dokumen OSA Tutup Balkis. Tender Terbuka. Penamatan Perkhidmatan Alam Flora
<b>SOSIAL DAN KEBAJIKAN RAKYAT</b> Memberi hadiah sebanyak RM1,000 seorang kepada setiap anak Selangor sebaik menerima tawaran kemasukan ke mana-mana institusi pengajian tinggi Memberi bantuan atau biasiswa menurut merit kepada anak Selangor di semua peringkat pendidikan Membuka tabung permulaan bernilai RM100 bagi setiap kelahiran anak Selangor Memberi pendidikan pra-sekolah percuma kepada anak Selangor berusia 5-6 tahun Mengurangkan bebanan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke nurseri tanpa had bilangan dengan memberi subsidi antara RM50 – RM100 seorang Mencarumkan skim perlindungan insurans (takaful) warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan anak yatim Memberikan elaun ibu tunggal yang layak menurut tanggungan masing-masing Memberi elaun khas antara RM150-RM250 sebulan untuk wanita tanpa pekerjaan tetap yang memilih untuk menjadi suri rumah bagi menjaga anak-anak kecil mereka (di bawah 12 tahun) Memastikan setiap keluarga memiliki sebuah rumah dalam skim perumahan rakyat Mewujudkan institusi untuk menyelaraskan hal-ehwal agama selain agama Islam demi mewujudkan perpaduan dan persefahaman antara kaum dan agama	OK OK OK OK OK OK OK OK	DP DP DP DP	AD	Setakat Disember 11, 24,541 penerima dengan kos RM23,733,028  Biasiswa Yayasan Selangor Setakat Dec'11, 29,249 penerima dengan kos RM2,924,900 Akan Datang: FASA III MES - Bantuan pra-sekolah - RM 50 sebulan kepada kanak-kanak Belanjawan Selangor 2012 - setiap keluarga yang berpendapatan RM1,000 sebulan akan diberi elaun penjagaan anak berjumlah RM1,000 setahun bagi setiap anak berusia 12 tahun ke bawah SMUE Setakat Disember 11, 26,784 penerima dengan kos RM62,847,000 Melalui Pejabat Exco YB Rodziah FASA III MES - Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si Kembar). Skim Bantuan Tadika (TUNAS) 11,001 unit (termasuk WIP - 124, 2011 - 1,982, 2012 - 3,898)
<b>KESIHATAN RAKYAT</b> Memberi cuti bergaji selama 90 hari bagi wanita bersalin (kakitangan kerajaan negeri) Memberi cuti selama 14 hari kepada suami (kakitangan kerajaan negeri) bagi menjaga isteri yang baru bersalin Memberi cuti bergaji selama satu bulan bagi wanita (kakitangan kerajaan negeri) yang kematian suami Memberikan perkhidmatan perubatan di hospital kerajaan dan pengangkutan awam percuma kepada semua warga emas berusia 65 tahun ke atas.	OK OK OK OK			Setakat Disember 11, 30 penerima Setakat Disember 11, 1 penerima  Skim Pemeriksaan Mata Percuma bakal dilancarkan
<b>EKONOMI RAKYAT</b> Memudahkan dan mempercepatkan kelulusan dan pembaharuan lesen perniagaan Mengurangkan cukai pintu rumah kediaman sebanyak 20% dan cukai premis komersial sebanyak 10% Membela kehidupan rakyat miskin terutama petani dan nelayan bagi memperoleh pendapatan minimum RM1,200 sebulan	OK OK	DP DP		Sistem online. Sistem LBLB utk cepatkan urusan tanah Premium tanah RM1,000. Akan Datang: FASA V MES - Diskaun 20% untuk cukai pintu. Program meningkatkan hasil padi. 55% petani 1-1.5k, 16% >1.5k
<b>KESELAMATAN RAKYAT</b> Menguatkuasa & memantau projek-projek pembangunan agar mematuhi syarat-syarat perlindungan alam sekitar bagi mengelakkan kejadian seperti tanah runtuh & banjir Mengkaji semula sistem Rukun Tetangga untuk diganti dengan sistem baru yang lebih berkesan di bawah penyeliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Mewujudkan pusat khidmat sehenti bagi menangani kes-kes jenayah dan keganasan terhadap wanita	OK OK	DP		Studi cerun bukit. Pemasangan 414 CCTV di 12 PBT, RM117,2j  Satu skim rondaan rukun tetangga akan dilaksanakan di seluruh negeri Selangor di bawah program Kerajaan Negeri bagi menjamin keselamatan dan penyelesaian penghuni selaras dengan Kempen Pangsapuri Bersih, Ceria dan Harmoni
	14 61%	8 35%	1 4%	
	96%			

Tambahan (tidak termasuk dalam manifesto tetapi sedang dan telah dilaksanakan)

- 1) Pemberian air percuma 20m<sup>3</sup>
- 4) Program Pendidikan - SPIES, GEMS, Tuisyen Rakyat

- 2) Tabung Anak Pekerja Ladang
- 5) Skim Perumahan Pekerja Ladang

- 3) Skim Mikro-Kredit (SkimSel & MimBar)
- 6) Bantuan pengurusan bangunan, lif & pusat komuniti

DP: Dalam pelaksanaan  
AD: Akan diumumkan

## Sokongan terhadap Najib menurun lagi

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**SHAH ALAM** - Sokongan pengundi di Semenanjung Malaysia kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Razak mencatatkan penurunan daripada 65 peratus pada Oktober 2012 kepada 61 peratus pada bulan Januari 2013.

Pada Oktober 2012 lepas, sokongan terhadap Najib Razak pada kedudukan 63 peratus.

"Kajian juga menemui penurunan sokongan di kalangan responden kaum Melayu terhadap kerajaan dan Barisan Nasional," kata Merdeka Center dalam satu kenyataan media.

Penyelidik Bebas itu dalam laporan terkini mendapati masyarakat Melayu mencatat peningkatan kemarahan ke atas kerajaan pimpinan Umno-BN itu apabila naik daripada 24 peratus pada Mei 2012 kepada 32 peratus pada Januari 2013.

Manakala kemarahan masyarakat India juga naik dari 41 kepada 43 peratus dalam tempoh sama.

Dalam kajian yang melibatkan 1,021 pengundi berdaftar tersebut juga mendapati kemarahan masyarakat Cina terhadap kerajaan BN masih tinggi, iaitu pada kadar 68 peratus.

Ia jelas menunjukkan petanda program dan kempen yang dilakukan oleh pimpinan Najib untuk menarik hati kumpulan tersebut masih lagi gagal.

Menurut kajian itu lagi, berlaku penurunan sokongan daripada masyarakat Melayu terhadap Barisan Nasional daripada 66 peratus pada Mei 2012 kepada 60 peratus pada Januari 2013.

Kajian tersebut dijalankan antara 23 Januari - 6 Februari 2013 yang melibatkan 59 peratus kaum Melayu, 32 peratus kaum Cina dan 9 peratus kaum India.



**MESRA...**

Rodziah Ismail dan Abby Abadi sewaktu program santai bersama penduduk Rimba Jaya

### STATUS TERKINI PROGRAM MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES) SEHINGGA 31 DIS 2012

JUMLAH PENERIMA FAEDAH (ORANG)						
PROGRAM	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	-	10,297	11,797	7,155	31,103	60,352
Hadiah Anak Masuk Universiti	3,718	6,022	8,163	7,649	7,175	32,727
Skim Mesra Usia Emas	867	8,304	8,674	8,939	9,727	36,511
Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	552	4,224	676	450	1,060	6,962
Bekalan Air Percuma Bagi 20 m <sup>3</sup> Pertama	1,101,541	1,160,32	41,220,511	1,260,894	1,305,891	
Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	-	-	750	3,809	2,414	6,973
Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	-	-	2,688	10,306	3,822	16,816
Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)	-	-	-	1,882	3,671	5,553
Pusat Tuisyen Rakyat	-	4,333	4,508	4,526	4,803	18,170
Pusat Dialisis Rakyat	-	-	-	49	51	100
Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	-	-	-	-	157	157
Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	-	-	-	-	1,277	1,277
Cuti Bersalin 90 Hari	-	15	15	-	-	30
Cuti Untuk Suami Yang Isterinya Bersalin Selama 14 Hari	-	-	-	1	-	1
<b>JUMLAH</b>	<b>1,106,678</b>	<b>1,193,519</b>	<b>1,257,782</b>	<b>1,305,660</b>	<b>1,371,151</b>	
JUMLAH PERBELANJAAN						
PROGRAM	2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	-	1,029,700.00	1,179,700.00	715,500.00	3,110,300.00	6,035,200.00
Hadiah Anak Masuk Universiti	3,493,980.00	5,667,038.00	7,699,000.00	7,167,000.00	7,921,058.00	31,948,076.00
Skim Mesra Usia Emas	870,000.00	19,761,000.00	21,515,500.00	20,700,500.00	24,725,500.00	87,572,500.00
Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang	354,200.00	1,118,540.00	1,905,815.20	928,121.00	931,325.00	5,238,001.20
Bekalan Air Percuma Bagi 20 Meter Padu (M3) Pertama	68,674,732.87	131,468,341.10	136,217,650.50	140,738,975.91	146,009,767.20	623,109,467.58
Skim Mikrokredit Selangor (SkimSel)	-	-	1,615,500.00	14,103,050.00	26,431,500.00	42,150,050.00
Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	-	-	227,700.00	1,014,590.00	363,620.00	1,605,910.00
Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR)	-	-	-	4,074,500.00	7,080,000.00	11,154,500.00
Pusat Tuisyen Rakyat	-	2,806,225.00	3,241,800.00	3,266,800.00	3,036,000.00	12,350,825
Pusat Dialisis Rakyat	-	-	-	-	-	0.00
Skim Bantuan Asuhan Rakyat (Si KEMBAR)	-	-	-	-	81,100.00	81,100.00
Skim Bantuan Tadika (TUNAS)	-	-	-	-	214,175.00	214,175.00
<b>JUMLAH</b>	<b>73,392,912.87</b>	<b>161,850,844.10</b>	<b>173,602,665.70</b>	<b>192,709,036.91</b>	<b>219,904,345.20</b>	<b>821,459,804.78</b>
PROGRAM PENINGKATAN HASIL DARIPADA BAHAN BATUAN DAN MINERAL						
PROGRAM	AGENSI	ROYALTY YANG DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (RM)				
		2008	2009	2010	2011	2012
Program Peningkatan Hasil Daripada Bahan Batuan & Mineral	Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)	1,470,000.00	5,764,563.86	10,799,494.46	16,513,806.45	10,416,277.08
<b>JUMLAH</b>						<b>44,964,141.85</b>



selangorku

www.selangorku.com



# RM9.65 Bilion: TAWARAN RAKYAT SELANGOR UNTUK AMBIL ALIH AIR



10 FAKTA  
YANG ANDA  
PERLU TAHU

## 1 Mengapakah Kerajaan Negeri perlu membuat tawaran untuk ambil alih perkhidmatan air?

Tawaran ini adalah Tawaran Rakyat Selangor untuk mendapatkan semula hak terhadap air dan bagi membolehkan kerajaan negeri melakukan penyusunan semula industri perkhidmatan air bagi menyelesaikan masalah air secara menyeluruh termasuk memastikan kenaikan kadar tarif air yang tidak membebaskan rakyat.

## 2 Bagaimanakah pengambilalihan ini akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri?

Syarikat milik penuh kerajaan Selangor, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) telah menawarkan RM9.65 bilion kepada syarikat Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS), Puncak Niaga Sdn Bhd (Puncak Niaga), Konsortium ABBAS Sdn Bhd (ABBAS) dan Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SPLASH), seterusnya KDEB akan menubuhkan syarikat yang dipanggil Special Purpose Vehicle (SPV) yang mengambil alih aset, liabiliti dan ekuiti syarikat konsesi (termasuk operasi dan kakitangan sedia ada). SPV KDEB akan menguruskan operasi dengan lebih berkesan dan ini mewujudkan sistem tadbir urus lebih cekap dan telus yang mana kepentingan rakyat menjadi keutamaan.

## 3 Apakah keburukan jika pengambilalihan ini tidak berlaku?

Rakyat akan membayar tarif air yang tinggi dan membebaskan seperti tertera dalam perjanjian konsesi air; 2009 kenaikan tarif 37%;

2012 (25%), 2015 (20%).

Masalah kekurangan bekalan air bersih kepada pengguna terus berlanjutan. Perkhidmatan air kekal dimonopoli oleh syarikat swasta dan individu tertentu dan rakyat terperangkap dengan kadar yang mereka tentukan.

## 4 Mengapa penstrukturan semula Industri Perkhidmatan Air mengambil masa yang lama untuk dimuktamadkan di Selangor sedangkan ia telah dilaksanakan di Pulau Pinang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor?

Percaturan politik sempit Barisan Nasional dan kegagalan kerajaan Pusat menghormati semangat federalism khususnya WSIA yang mereka sendiri gubal dan luluskan telah membantutkan segala usaha untuk penstrukturan ini.

Walaupun Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA 2006) membenarkan perkhidmatan dikembalikan kepada kerajaan negeri dan Kabinet telah pada 16 Januari 2008 bersetuju kerajaan Selangor mengambil alih perkhidmatan air keputusan tersebut tidak dilaksanakan kerana Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Negeri Selangor.

## 5 Apakah yang akan berlaku jika tawaran ini tidak diterima?

Mengikut WSIA, syarikat konsesi tidak berhak menolak tawaran ini kerana urusan ini tidak berkonsepkan 'willing buyer willing seller'. Tawaran ini bukan urusan komersil semata-mata kerana terdapat elemen kebajikan sosial dan kepentingan awam. Ia lebih kepada tawaran rakyat kepada pemegang konsesi dan pihak Kerajaan negeri serta Kerajaan Persekutuan mesti memainkan peranan untuk memastikan kebajikan rakyat terjaga dan terpelihara.

Jika konsesi tidak setuju dengan tawaran ini, mereka boleh merujuk kepada Badan Timbang Tara Bebas Antarabangsa dan Kerajaan Selangor bersedia mematuhi apa jua keputusan badan bebas tersebut.

Kita juga yakin tawaran ini tidak akan merugikan syarikat-syarikat berkenaan kerana jumlah ini merupakan pulangan 12% setahun terhadap ekuiti - yang mereka miliki berbanding dengan pulangan lazim bagi industri air iaitu hanya 6%.

## 6 Adakah benar syarikat konsesi gagal melaksanakan tugas mereka?

Matlamat utama Perjanjian Konsesi/Penswastaaan dilakukan pada 2004 ialah bagi menyelesaikan masalah kebocoran/pembaziran air terawat iaitu Air Tidak Terhasil (NRW) yang pada ketika itu melebihi 42%. Mengikut perjanjian konsesi, SYABAS perlu menurunkan NRW pada kadar 19.98% pada 2012 dengan perbelanjaan CAPEX RM784.1 juta. Meskipun SYABAS telah membelanjakan RM1,169.64 juta setakat tahun 2012 TETAPI kadar Air Tidak Berhasil (NRW) masih kekal 33%.

Disebalik kegagalan ini, SYABAS menuntut kenaikan tarif air sebanyak 37% (2009), 25% (2012) dan 20% (2015) tetapi berjaya dihalang Kerajaan Selangor.

Fakta di atas jelas menunjukkan bahawa memang SYABAS telah GAGAL melaksanakan tanggungjawab mereka dan alasan kononnya Kerajaan Negeri telah membekukan CAPEX amat tidak benar berdasarkan jumlah yang ditunjukkan di atas.

## 7 Adakah rakyat akan terus menikmati program percuma 20 meter padu selepas penstrukturan semula? Bagaimana pula bagi penduduk di pangsapuri, adakah mereka juga akan mendapat faedah ini?

Ya, rakyat akan terus menikmati pemberian air percuma termasuk penduduk di pangsapuri. Cuma, bagi penduduk pangsapuri mereka hendaklah menukar meter air pukal sedia ada kepada meter air individu

bagi setiap unit pangsapuri.

Kerajaan Negeri yakin SPV KDEB yang baru mampu menangani isu berlarutan ini.

## 8 Benarkah tanggapan sesetengah pihak bahawa pemberian air percuma ini telah menyebabkan pembaziran air?

Kenyataan ini tidak benar malah menghina integriti rakyat. Sebaliknya, rekod di dalam laporan "Panduan Industri Air Malaysia" (Malaysia Water Industry Guide) menunjukkan penggunaan bagi setiap penyambungan menunjukkan trend menurun seperti berikut:

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
Penggunaan (meter padu /bulan)	35.0	34.8	34.5	34.0	32.8

*MWIG (Malaysia Water Industry Guide) adalah penerbitan Persatuan Air Malaysia dengan kerjasama Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, JBA Malaysia dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.*

## 9 Adakah Langkat 2 akan diteruskan jika penstrukturan berlaku?

Kerajaan Negeri berpandangan keputusan BN Selangor dan Kerajaan Persekutuan membina Langkat 2 telah dilakukan dengan tergesa-gesa tanpa mengkaji pilihan lain bagi menyelesaikan masalah kekurangan air. Berbeza dengan Kerajaan Negeri hari ini dimana kita telah mengenal pasti kaedah-kaedah lain untuk meningkatkan sumber air di Negeri Selangor dengan kos yang jauh lebih murah tanpa perlu membina Langkat 2.

Di antara projek yang telah dikenal pasti adalah:

- Mengaktifkan semula Loji Air Bukit Jelutong yang boleh membekalkan air terawat pada kadar 50 juta liter sehari.

- Pembangunan Penakungan Air Larian di Hiliran Sungai Selangor melalui konsep 'Hybrid Off River Augmentation System' (HORAS) sebagai sumber air yang baru. Ia membolehkan Loji Air SSP1 dan SSP3 beroperasi pada kadar 10% melebihi daripada kapasiti reka bentuk asal dan pembinaan loji baru yang berkapasiti besar.

Kajian juga sedang dijalankan untuk menggunakan 'River Bank Filtration Technique' (RBF) di Lembangan Sg. Langat berdekatan Kg. Jenderam Hilir. Kajian ini adalah susulan dari kajian yang telah dibuat oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

## 10 Apakah yang boleh rakyat lakukan dalam mempertahankan hak air ini?

Rakyat Selangor perlu menyokong usaha murni ini dengan memastikan pemerintahan sedia ada dikekalkan untuk memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara dan terjamin.

Air adalah keperluan asasi manusia dan wajib dikendalikan oleh syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang meletakkan kepedulian kepada rakyat mengatasi keuntungan.

Kita mungkin telah melakukan kesilapan sebelum ini dengan mengizinkan pengurusan air diswastakan. Sekarang adalah masa yang paling sesuai untuk memperbetulkannya daripada terus terbelenggu dengan kesilapan lampau.



Oleh AFEEQA AFEERA

AMPANG - Pengerusi Persatuan Penduduk Bandar Baru Ampang, Cheah Ken Voon, 63, berkata, rakyat di Selangor tidak pernah merasai manfaat air percuma semasa berada di bawah pentadbiran Kerajaan Umno-BN.

Justeru, beliau mahu Kerajaan Negeri mengambil alih pengurusan air di negeri ini.

Tambahnya, forum air anjuran Kerajaan Negeri ini mem-

# Rakyat mahu Kerajaan Negeri urus air

buka mata ramai pihak behubungan fakta sebenar dakwaan krisis air yang sering diputar belitkan oleh Kerajaan Pusat dan Syarikat Bekalan Air Sela-

ngor (Syabas).

“Terima kasih atas usaha Kerajaan Negeri memberi penerangan kepada rakyat tentang krisis air yang didakwa berlaku di negeri ini.

“Secara keseluruhannya, rakyat tidak boleh menafikan bahawa kita sememangnya menerima manfaat air percuma daripada Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor sejak 2008.

“Malah kita juga berharap pihak Syabas mahupun Kerajaan Pusat supaya tidak lagi mempolitikkan isu air dan menyerahkan operasi pengurusan air kepada Kerajaan Negeri dengan segera demi kepentingan rakyat,” katanya.

Forum Air Untuk Rakyat diadakan di Dewan Orang Ramai Bandar Baru Ampang di sini. Taklimat di forum tersebut diberikan oleh Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago.

Kasim Zaini, 53, menyifatkan usaha pengambil alihan air ini



Kasim Zaini



Cheah Ken Voon

membuktikan pentadbiran PR Selangor benar-benar prihatin terhadap kepentingan rakyat.

Malah katanya, penswastaaan air hanya merugikan rakyat dan memberi keuntungan besar kepada syarikat konsesi.

“Air adalah asas utama kepada rakyat. Jadi, sekiranya perkhidmatan air ini terus diswastakan, ia akan membebankan rakyat,” ujarnya.

Penduduk juga berharap skim pemberian 20 meter padu air percuma akan diteruskan sekiranya Pakatan Rakyat (PR) kembali memerintah Selangor dalam pilihan raya akan datang.

Setelah mendengari taklimat di Forum Air di sini, mereka gusar dengan kemungkinan tarif air akan dinaikkan semula sekiranya Umno-BN kembali memerintah Selangor.



Charles Santiago memberi penerangan tentang masalah sebenar air di Selangor kepada penduduk

## Siap sedia hadapi sabotaj air

SUNGAI BESAR - Kerajaan Negeri mempunyai persediaan rapi bagi berdepan dengan sebarang kemungkinan berlakunya sabotaj gangguan air di negeri itu.

Exco Selangor, Dr Yunus Hairi berkata, dakwaan akan berlaku gangguan air selepas pembubaran parlimen apabila pihak Umno-BN menggunakan isu air sebagai bahan kempen politik dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini untuk merampas Selangor.

“Kerajaan Negeri sudah bersedia dengan perancangan seperti penyediaan lori-lori tangki air yang akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan,” kata Dr Yunus.

Beliau berkata demikian semasa penerangan isu air yang diadakan di Dewan Seri Bernam di sini.

Tambah Dr Yunus, pemberian air percuma sepanjang lima tahun pemerintahan Pakatan Rakyat di Selangor membuktikan gagasan itu membela kebajikan rakyat.

Katanya, sebelum ini pihak Umno-BN mendakwa kerajaan negeri akan muflis dalam tempoh tiga bulan dengan pem-



Dr Yunus Hairi



Dr Aziz Bari



TEKUN... orang ramai hadir di Dewan Seri Bernam untuk mendengar penjelasan tentang isu air

berian air percuma.

Namun hasil kecekapan pengurusan pentadbiran kewangan berhemah, rizab simpanan Selangor terus meningkat sehingga RM2.5 bilion.

“Sebanyak 600 juta meter padu air bersih terbuang ekoran masalah kehi-

langan air yang didakwa gagal ditangani dengan baik oleh pihak Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas),” kata beliau.

Sementara itu, mantan Profesor Undang-Undang UIAM, Dr Aziz Bari berkata, sokongan kepada kerajaan Pakatan Rakyat (PR) perlu diteruskan dalam

usaha untuk memastikan dasar pemberian air percuma mempunyai kesinambungan.

Kira-kira seramai 500 orang hadir dalam sesi penerangan isu air itu yang turut hadir penyelaras DUN Sungai Panjang, Fadzlin Taslimin.



KLANG - Kerajaan Negeri tidak akan menaikkan tarif air selama lima tahun selepas pengambilalihan daripada pemegang konsesi air di negeri ini.

Ini kerana menurut Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, bayaran RM9.65 bilion yang akan dibuat kepada pemegang saham Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) itu merupakan dana kerajaan dari hasil cukai yang dikutip dari rakyat.

Pendirian Kerajaan Negeri itu jelas bertentangan dengan pendirian Syabas yang tidak sabar-sabar mahu menaikkan tarif air sehingga bertindak menyaman Kerajaan Negeri kerana menyekat kenaikan tarif air

## MB: Berjaya ambil alih, air tidak naik

seperti mana dalam perjanjian penswastan air 2004.

Menurut Abdul Khalid, tawaran Kerajaan Negeri kepada Syabas dibuat bagi pihak rakyat Selangor yang jelas mahukan hak pengurusan air dikembalikan kepada mereka.

"Saya tawarkan RM9.65 bilion, kita buktikan kalau mereka tidak terima, ini bererti mereka tidak mempercayai rakyat, mereka menipu rakyat kerana RM9.65 bilion yang kita bayar, dia dapat untung bukan rugi.

"Kita dapat tentukan harga

air dalam jangkamasa lima tahun yang akan datang tidak akan naik kerana rakyat sudah membayar harga air (semasa pengambilalihan itu)," kata Abdul Khalid di hadapan hampir 7,000 hadirin dalam ceramah Jelajah Rakyat di Taman Rakyat, Sri Andalas di sini.

Abdul Khalid juga berkata, Kerajaan Negeri tidak akan sesekali membayar gaji Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) lebih RM400,000 sebulan seperti mana yang sedang dinikmati oleh CEO Syabas, Tan Sri Rozali Ismail kini.



Orang ramai hadir memenuhi pekarangan Taman Rakyat

# Kekang kenaikan tarif air demi rakyat

Oleh Hafizan Taib

BANGI - Lima tahun pertama mentadbir Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Selangor berjaya mengekang kenaikan tarif air dua kali demi membela nasib rakyat.

Mengikut perjanjian dimeterai, Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) boleh menaikkan tarif air tiga tahun sekali iaitu pada 2009 sebanyak 37 peratus diikuti 2012 (25 peratus), 2015 (20 peratus) dan seterusnya.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Ronnie Liu berkata, Kerajaan Negeri bertindak demikian kerana menyedari ia hanya memberi keuntungan kepada Syabas dan pihak berkepentingan.

"2008 hingga 2013 Syabas ada hak untuk menaikkan tarif air dua kali hingga lebih kurang 60 peratus. Kalau kita lihat tambahan harga itu maksudnya, setiap keluarga di Selangor dalam masa lima tahun sudah jimat RM1,200.

"Ini kerana 20 meter padu air percuma RM11.40 sebulan, dalam masa setahun sudah seratus ringgit lebih sudah jimat," katanya dalam Forum Air Untuk Rakyat di sini.

Ronnie berkata, masyarakat di Selangor tidak seharusnya berasa



Ronnie Liu

bimbang kerana negeri mempunyai simpanan air yang cukup dan tidak memerlukan projek Langat 2.

"Kita ada 35 loji yang semua beroperasi dengan baik. Kalau ikut spesifikasi loji, kapasiti optimum kita boleh dapat 4,832 juta liter air sehari.

"Kalau dibandingkan dengan statistik agihan sebanyak 4,546 juta liter sehari, ini bermakna kita ada lebih kapasiti enam peratus. Kita tidak ada

kekurangan air dan krisis air. Kita hanya ada krisis yang dicipta Umno-BN dengan bantuan Syabas," katanya.

Sementara itu, Senator Syed Shahir Syed Mahmud berkata, krisis air di Selangor yang digembar-gemburkan hanya mainan politik Umno-BN menerusi media arus perdana dikuasainya.

"Kak Ros (Datin Seri Rosmah Mansor) angkat baldi. Tak pernah terfikir kita, Kak Ros angkat baldi. Itukan lakonan politik.

"Dia (Datuk Seri Najib Razak) sibuk di Kelantan, tapi di tempat dia tiada air. Perdana Menteri, negeri dia sendiri tidak ada air," katanya.

## Pertembungan buku dengan ruas

AMPANG - Setiausaha Politik Menteri Besar, Faekah Husin memaklumkan langkah Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mempertahankan usaha pengambilalihan ini meskipun dipertikaikan beberapa pimpinan Umno-BN, disifatkan sebagai pertembungan 'buku dengan ruas'.

Jelas Faekah lagi, Menteri Besar memaklumkan kepada beliau langkah pengambilalihan air ini bukan gimik politi, tetapi ia lebih besar daripada pengambilalihan saham Guthrie pada tahun 1981.

Justeru, bagi menyelesaikan masalah ini, rakyat perlu memastikan kemenangan Pakatan Rakyat (PR) dalam pilihan raya akan datang dan menguasai Putrajaya bagi memudahkan urusan pengambilalihan air daripada syarikat konsesi yang masih berdegil untuk menerima tawaran yang dikemukakan.

"Ini kerana, Kerajaan Pusat, saham emas (golden share) berjumlah satu peratus boleh digunakan secara mutlak bagi mengarahkan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) menerima tawaran yang dikemukakan Kerajaan Selangor bagi membolehkan pengambilalihan operasi pengurusan air di Lembah Klang dan Selangor dilakukan," katanya pada Forum Air Selangor di Pandan Indah.

Tambahnya, jika syarikat konsesi menolak tawaran, ia bukan lagi diklasifikasikan sebagai transaksi perniagaan, tetapi sudah dipolitikkan, maka Kerajaan Selangor akan bertindak balas secara politik.

Menurutnya, Kerajaan Selangor hanya akan menawarkan harga pengambilalihan pada kadar jumlah potongan 50 peratus daripada harga sekarang sekiranya syarikat konsesi masih berkeras dan menolak tawaran harga yang dikemukakan.

"Bubarlah dewan (Dewan Negeri Selangor), bubarlah Parlimen, air milik anda (rakyat).

"Dan kalau mereka (syarikat konsesi) tolak, sekarang kita tawarkan RM9.65 bilion. Kita (kekal) perintah Selangor, kita dapat Putrajaya, kita akan tawarkan tidak lebih daripada RM5 bilion. Itu pelan kita," katanya

Jelasnya, dengan tawaran bernilai RM9.65 bilion yang diumumkan oleh Abdul Khalid pada pertengahan minggu ini, syarikat konsesi tidak boleh menolak harga yang ditawarkan, melainkan mengemukakan bantahan harga tawaran bagi proses timbang tara harga seperti yang termaktub dalam perjanjian penswastan air 2004.



PENJELASAN... Faekah sewaktu menjawab pertanyaan daripada orang ramai



## Zaman Firaun pun ada BR1M

PEMBERIAN 'one-off' seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) oleh kerajaan Umno-BN akan melahirkan budaya mengemis dan mengajar rakyat untuk patuh kepada pemimpin walaupun mereka zalim dan menekan rakyat.

Malah, kata Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, pemberian BR1M juga dijalankan pada zaman dahulu ketika pemerintahan Firaun yang zalim dan ditentang Nabi Musa.

"Zaman Firaun dulu pun ada BR1M," kata Abdul Hadi sinis.

"Firaun memberi duit, tapi menyekat rakyat. Dia kerahkan kaumnya dan dikumpulkan di satu tempat.

"Kemudian dia beri ucapan bahawa projek yang disalurkan kepada rakyat adalah projeknya. Firaun menjadikan rakyat ringan akal," kata Abdul Hadi.

Abdul Hadi menjelaskan konsep dasar PR adalah untuk mengangkat martabat rakyat supaya boleh berdikari dan berdaya saing. Bukan seperti Umno-BN yang mahu rakyat mengemis.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Marang turut menasihati rakyat agar tidak mengundi BN, walaupun menerima BR1M.



Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG

Sheridan Mahavera Mohd Shakhir

PENGARANG BERITA

Najib Hashim

PEN. PENGARANG BERITA

Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG

Rusidah Salim

WARTAWAN

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkiyatt@gmail.com

JURU GAMBAR:

Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKALETAH

Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen 13,

40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

E-mel: newsselangorkini@gmail.com

**IKRAR PAKATAN RAKYAT**

- 1 Akan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Dasar-dasar Bersama PR
- 2 Akan memperkukuhkan kerjasama di kalangan anggota parti komponen PR
- 3 Akan menumpukan sepenuh usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat
- 4 Akan terus mengukuhkan jati diri dan menghindari segala sogokan yang mendorong ke arah pengkhianatan terhadap perjuangan PR
- 5 Akan tetap menjunjung harapan rakyat ke arah membina sebuah negara yang demokratik, adil dan berkeadilan



# Muafakat teras utama menang PRU-13

MUFAKAT merupakan teras utama Pakatan Rakyat (PR) dalam menumbangkan Umno-BN dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Perkara ini dinyatakan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim sambil mengingatkan PR supaya sedia menjawab ser-

angan, kerana ujian terbesar pilihan raya kali ini adalah permuafakatan yang membuatkan Umno-BN iri hati dan tidak senang duduk.

Anwar berkata, serangan Umno-BN melibatkan isu teras politik negara, terutama untuk mengucar-ngacirkan orang

Melayu.

"Jentera Pakatan Rakyat wajib bersedia dan menjawab dengan tegas tohmah yang dilemparkan media Umno-BN tanpa rasa takut.

"Jangan minta maaf dan bersikap defensif. Kerana yang merompak, mengambil saham, kontrak sehingga permit teksi dan wang lembu ialah pimpinan Umno yang khianat amanah," katanya.

Anwar berkata, serangan Umno-BN kini ditujukan terhadap PAS dan pimpinan Melayu daripada PKR.

"Muafakat kita berbeza daripada muafakat biasa. Bukan hanya untuk merebut kuasa,



tapi keikhlasan yang diterjemahkan dengan janji dan amanah," kata Anwar lagi.

Selanjutnya beliau berkata, keangkuhan kuasa Umno-BN melalui pemunggaan kekayaan oleh segolongan kecil elit pemerintah dijawab dengan Manifesto 'Pakatan Harapan Rakyat'.

"Ini adalah asas pertembungan dua sistem yang berbeza," katanya.

Anwar menambah, hubung-

an antara parti semakin kukuh, terutama melihat kepada usaha yang dilakukan pemimpin muda ketiga-tiga parti komponen.

Beliau turut memetik kata-kata ahli falsafah Ireland, Edmund Burke - 'The arrogance of age must submit to be taught by youth' - pimpinan muda PR cekap mengatur dasar dan pandangan penting seperti yang terangkum dalam manifesto Pakatan Harapan Rakyat.

"Berbeza dengan harapan BN kepada generasi muda, mereka diberi pesta-pesta... kita dalam Pakatan Rakyat pula dapat mencungkil bakat muda dan terpuji apabila berjaya mengemukakan isu-isu pokok dalam manifesto pada hari ini," katanya.

## Kerajaan P. Pinang lebih banyak bela Melayu

LIMA tahun difitnah Umno-BN sebagai anti Melayu-Islam, kini Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang membuktikan bahawa ia lebih banyak membantu masyarakat Melayu-Islam daripada Kerajaan Umno-BN dahulu.

Ini susulan pertambahan peruntukan Kerajaan Pulau Pinang kepada institusi agama seperti Sekolah Agama Rakyat (SRA) dan dana bagi program keagamaan.

Menurut Ketua Menteri, Lim

Guang Eng, pihaknya juga mewujudkan Tapak Perindustrian Halal, menambah elaun bulanan sebanyak 80 peratus kepada tok siak dan bilal serta mengiktiraf para huffaz.

"Malah, status agama Islam sebagai agama persekutuan juga telah dimasukkan ke dalam perlembagaan DAP," tegasnya yang juga Setiausaha Agung DAP.

Dalam pada itu, beliau turut membangkitkan isu pengaliran wang haram ke luar negara yang

dilihat semakin kronik dan merugikan rakyat.

Laporan badan pemerhati kewangan antarabangsa, Global Finance Integrity yang berpangkalan di Washington mendedahkan, sejumlah RM197 bilion pengeluaran wang haram berlaku di Malaysia pada 2010.







## Minyak, elektrik, air rendah, kereta baru RM25,000

PAKATAN Rakyat (PR) akan mengurangkan kos sara hidup dengan menurunkan harga minyak, caj elektrik, caj air, tol dan kereta apabila berjaya menawan Putrajaya.

Ini akan dicapai melalui penghapusan monopoli dalam sektor penjanaan tenaga, air, telekomunikasi dan barangan makan.

Inisiatif itu terkandung dalam manifesto rakyat bertema 'Pakatan Harapan Rakyat' yang dibentangkan di sini.

Antaranya PR akan menyalurkan laba daripada pendapatan minyak untuk menurunkan harga petrol dan diesel.

PR juga akan menyalurkan subsidi gas berjumlah RM25 bilion yang biasanya diberikan kepada penjana bebas, secara terus kepada rakyat dengan menurunkan caj elektrik yang ditanggung rakyat.

Selain itu, konsesi air kendalian syarikat swasta yang mengakibatkan caj air tinggi akan dihentikan. Rakyat hanya perlu bayar kos pe-

ngendalian yang berpatutan.

PR juga akan mengambil alih lebuhraya secara berperingkat bagi tujuan menghapuskan tol.

Pembiayaan operasi lebuhraya itu mampu ditampung menggunakan dana RM5 bilion yang selama ini dibayar sebagai pampasan kepada pemegang konsesi lebuhraya.

Manakala harga barang akan turun apabila monopoli yang dipegang oleh beberapa orang kroni yang rapat dengan pemerintah Umno-BN dihapuskan.

Contoh perniagaan berasaskan monopoli ialah telekomunikasi seperti Astro, beras dan gula.

Manakala bagi kereta, cukai eksais kereta akan diturunkan secara berperingkat dengan tujuan menghapuskannya dalam tempoh 5 tahun agar harga kereta lebih berdaya saing.

Justeru, PR percaya industri automotif negara yang benar-benar berdaya saing boleh mengeluarkan kereta pada harga serendah RM25,000 sebuah.



## Warga emas terima bonus RM1,000

WARGA emas yang berusia 60 tahun ke atas layak menerima bonus bernilai RM1,000 setiap tahun apabila Pakatan Rakyat (PR) memerintah Putrajaya nanti.

Tawaran ini berdasarkan kepada Skim Bonus Warga Emas yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang kini.

Bonus tahunan ini diharapkan dapat membantu mengurangkan beban hidup golongan berkenaan.

Tawaran ini terkandung pada muka surat 9 Manifesto Pakatan Rakyat di bawah teras Rakyat Bersaudara.

Selain itu, PR berusaha memarta-

batkan kaum wanita dalam Manifesto Harapan Rakyat.

Antaranya ialah penglibatan 30 peratus kaum wanita di peringkat pengurusan, kepimpinan dan pentadbiran sektor awam dan swasta menjelang 2017.

PR juga akan melaksanakan Caruman Wanita Malaysia di mana setiap isteri akan layak menerima caruman tersebut sebagai jaringan keselamatan sosial bagi menjamin kebajikan mereka.

Dasar caruman tersebut mewajibkan suami mencarum mengikut kadar pendapatan (di antara RM10 sebulan hingga RM100 sebulan) ke dalam satu tabung caruman.



## SAR, Sekolah Jenis Kebangsaan dapat bantuan tambahan

SEKOLAH janaan rakyat seperti Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Agama Rakyat akan menerima bantuan tambahan sebanyak RM 300 setiap murid setiap tahun, apabila Pakatan Rakyat (PR) memerintah negara.

Bantuan tersebut adalah tambahan kepada dana bagi operasi sedia ada dan meliputi SAR, SJK Cina dan Tamil, sekolah persendirian Cina, Tamil, Iban, Kadazan

dan sekolah mubaligh.

Inisiatif itu yang terkandung di dalam Manifesto PR, melibatkan peruntukan berjumlah RM 220 juta.

Bantuan tambahan ini adalah pelaburan PR untuk menambahbaik mutu pendidikan di sekolah-sekolah ini, termasuk bagi perbelanjaan membesarkan bangunan dan menambah kemudahan prasarana.



## Tentera, polis sokong Pakatan Rakyat

MANTAN Leftenan Jeneral (B) Datuk Abdul Ghafir Abdul Hamid, yakin tentera dan polis akan bersama Pakatan Rakyat (PR) jika rakyat memilih kita membentuk Kerajaan Pusat yang baru selepas Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) nanti.

Ujarnya, anggota tentera adalah kumpulan profesional yang sentiasa menjunjung tinggi perlembagaan negara.

"Setiap anggota tentera itu taat setia kepada Yang Di Pertuan Agong.

"Dengan itu saya amat yakin anggota tentera akan berada di belakang Pakatan Rakyat, andai kata angkat sumpah berlaku nanti," tegasnya sambil meyakinkan, peralihan kuasa nanti akan berlaku dengan lancar tanpa kekacauan seperti didakwa Umno-BN.

Ucapan Ghafir juga mendapat tepukan gemuruh apabila beliau memaklumkan berdasarkan risikan tentera dan polis mengatakan bahawa mereka yakin PR akan menang.



▶ Seramai 35 wanita tamat Kursus Asuhan Kanak-kanak Selangor, di Hotel De Palma. Program bertujuan memberikan ilmu dan kualiti penjagaan kepada pengusaha tadika



▶ Adun Meru, Dr Rani Osman, mencuba tulisan Cina pada Majlis Makan Tengah Hari Gong Xi Fa Cai di Taman Klang



▶ MESRA... Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar, bersama warga emas membeli-belah dalam program Jom Shopping di Econsave, Jalan Reko, Kajang

▶ KASIH... sumbangan kepada golongan memerlukan disampaikan Ahli Parlimen Kota Raja Dr Mariah Mahmud di Dewan Orang Ramai, Kampung Jawa, Klang



▶ Wanita Gombak dan Wanita Taman Medan, bersama Adun Taman Medan, Haniza Talha, berkesempatan menggaul 'Yee Sang' pada hari Pembukaan Kedai Saudara Baru Huda Chew di Kampung Wira Jaya, Setapak



▶ Adun Chempaka, Iskandar Samad menyampaikan sumbangan sewaktu Perasmian Ops Kasih Dan Perasmian Dewan Komuniti Jalan Persiaran 3, Pandan Jaya



▶ Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari, menyampaikan sijil kepada peserta Pusat Wanita Berdaya, pada Majlis Minum Petang dan Kesyukuran di pekarangan rumah beliau



▶ Masjid-masjid dan dewan orang ramai di DUN Sijangkang menerima 4 unit set penghawa dingin yang mana jumlah keseluruhannya bernilai RM100 ribu daripada Adun Sijangkang, Dr Ahmad Yunus Hairi



▶ Karnival Sukan PeBT MPAJ 2013 bagi acara Paintball yang diadakan di Gelanggang Paintball Taman Melawati, berlangsung penuh semangat dengan dihadiri Adun Hulu Kelang, Saari Sungib



# Ibu bapa puas hati skim TUNAS

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

**SHAH ALAM** - Golongan ibu bapa di Selangor berpuas hati dengan Skim Bantuan Tadika Selangor (Tunas) yang diperkenalkan Kerajaan Negeri.

Ini kerana Skim Tunas ini mampu meringankan beban yang ditanggung ibu bapa golongan berpendapatan rendah.

Sejak dilancarkan Julai tahun lalu, ramai ibu bapa yang mendaftar bagi mendapatkan bantuan bernilai RM50 setiap bulan bagi anak daripada keluarga yang berpendapatan isi rumah di bawah RM1,500 sebulan.

Bagi mereka yang layak dan memasukkan anak ke dalam tadika, bantuan itu dibayar terus kepada tadika mereka.

Guru Takis Al-Islam, Sekolah Rendah Agama (SRA) Meru, Haslin Taslim, 43, pula menyatakan skim tersebut sangat memudahkan dan banyak membantu anak-anak golongan yang berpendapatan rendah di kawasannya.

"Tidak ramai yang mampu untuk hantar anak ke tadika kerana ramai yang terdiri daripada orang susah.

"Tapi alhamdulillah... seramai 24 orang di sekolah saya mendapat bantuan Tunas dan tahun ini lagi ramai yang mohon untuk dapatkan bantuan itu," katanya ke-



tika ditemui.

Bagi seorang bapa, Ahmad Azhar Abdullah, 45, masih ramai lagi rakyat yang berpendapatan rendah kurang maklumat mengenai dasar yang dilaksanakan Kerajaan Negeri.

"Saya lihat banyak program yang dianjurkan Kerajaan Negeri ini sangat bermanfaat.

"Tapi kurang publisiti untuk lebih ramai tampil menyertainya," katanya yang mempunyai anak yang bersekolah pra di Pasti Al-Hidayah, Sabak Bernam.

Bagaimanapun ada juga ibu-bapa berharap Kerajaan Negeri dapat menyemak semula paras gaji yang melayakkan mereka menerima bantuan berkenaan.

Menurut seorang guru tadika Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) di Kampung Nakhoda, Gombak, ramai ibu bapa di sekolahnya meminta agar syarat RM1,500 disemak semula.

"Ramai ibu bapa nyatakan pernah mohon, tapi tak dapat. Mungkin perlu kelonggaran bagi penduduk yang tinggal di kawasan seperti ini, memandangkan kos sara hidup pun tinggi," kata guru Rosmah Hussin, (**gambar**) 50, ketika ditemui.

Beliau ditemui selepas menangani Anugerah Tunas Pendidik sempena Hari Tadika Selangor



Didikan yang sempurna mampu melahirkan generasi masa depan yang cemerlang

2013 di Stadium Malawati Shah Alam di sini.

Turut hadir bagi memeriahkan majlis ialah Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali diiringi isteri Menteri Besar, Puan Sri Salbiah Tunut.

Dr Halimah di dalam ucapannya menyatakan Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM 3 juta di bawah belanjawan negeri 2013 dan mensasarkan 5,000 penerima Tunas pada tahun ini.

"Sasaran kita adalah 5,000 orang penerima dan penyertaan 500 buah tadika yang akan berdaftar dengan skim ini," katanya.



## Taska di rumah bantu wanita jana pendapatan

**SHAH ALAM** - Skim SiKembar bukan sahaja menolong ibu bapa berpendapatan rendah menghantar anak ke taska, malah membuka peluang bagi suri rumah dan ibu tunggal menjana

pendapatan dengan membuka taska sendiri.

Skim yang memberi RM100 bagi seorang kanak-kanak dari pada keluarga berpendapatan rendah itu mendapat respons

positif daripada kalangan wanita yang berminat mengusahakan pusat jagaan secara persendirian di rumah.

Oleh itu Kerajaan Negeri mengadakan Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak bagi melatih bakal usahawan, khususnya wanita untuk membuka taska mereka sendiri.

Nor Suhazianty Saufi, 32, pengasuh kanak-kanak persendirian dari Cheras, Kuala Lumpur, memuji langkah Kerajaan Negeri yang membuka peluang untuk suri rumah dan ibu tunggal mengusahakan taska.

"Saya sangat teruja seperti dinyatakan Yang Berhormat (Rodziah Ismail), ia membantu ibu tunggal, secara tidak langsung masalah ekonomi keluarga dapat kita atasi dari awal.

"Kursus ini juga bagus kerana

ia mengajar kita tentang asas dan membantu pengasuh-pengasuh yang masih belum berdaftar.

"Secara tidak langsung memberi ruang kepada kami untuk tahu arah tuju dan apa perlu dibuat sebelum atau selepas buka taska," katanya sewaktu ditemui selepas kursus yang berlangsung selama tiga hari.

Jamaliah Lemin, (**gambar**) 34, dari Puchong juga sependapat dengan menyatakan ia langkah ke hadapan dalam membantu kalangan ibu bapa dan pengasuh taska di Selangor.

"Sangat bagus (untuk ibu bapa) dan dapat menjana lagi pendapatan (pengasuh pusat taska)," katanya yang berhasrat membuka pusat jagaan kanak-kanak di ru-

mah selepas ini.

Rodziah selaku Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains,

Teknologi, Inovasi dan Kebudayaan menjelaskan, kursus itu bagi melayakkan pengusaha taska menjadi pengasuh kanak-kanak berkualiti.

"Kita wujudkan Sijil Asuhan Selangor supaya puan-puan atau sesiapa yang memiliki sijil ini akan layak menerima

skim bantuan asuhan rakyat ini.

"Kita nak cari seramai mungkin untuk menerima manfaat ini kerana setiap tahun kita peruntukkan RM 3 juta.

"SiKembar maksudnya, kita gabungkan yang anak-anak itu dapat subsidi RM100 dan kita mahu juga pengasuh taska juga dapat manfaatnya," katanya.



Antara aktiviti yang dilakukan sepanjang tempoh kursus



# PKNS bina kompleks kediaman untuk 10,000 pekerja industri



Menteri Besar melihat model asrama pekerja yang bakal dibina di Sungai Way, Petaling Jaya

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**KELANA JAYA** - Sebuah Kompleks Kediaman Pekerja Industri Bersepadu untuk kemudahan pekerja industri yang lebih selesa dan teratur bakal didirikan di tapak seluas 6.08 ekar di SS 8/6 di sini.

Blok pertama yang dibina Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) itu bakal siap menjelang Disember 2015 yang boleh menempatkan kira-kira 10,000 warga industri.

Pengurus Besar PKNS, Othman Omar berkata, projek ini memenuhi keperluan 'Workers Accommodation: Process And Standards' yang ditetapkan International Finance Corporation dan European Bank untuk pembinaan semula dan pembangunan.

"Ia merupakan satu-satunya projek kediaman bersepadu seumpamanya di Selangor.

"Projek ini nanti juga bakal memberikan kemudahan kepada pekerja dengan penyediaan jejantas dan laluan berbumbung serta tambahan 1,500 kemudahan tempat letak kereta," kata Othman.

Sementara itu, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, Selangor adalah negeri yang terbaik untuk pelaburan di negara ini apabila sejak 2008 jumlah pelaburannya mencecah RM50 bilion.

Ujar beliau, pembinaan asrama ini akan meningkatkan kepercayaan pelabur untuk terus mengembangkan perniagaannya di negeri ini.

"Kawasan Sungai Way perlu dibangun semula untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi di kawasan Petaling Jaya.

"Usaha pembangunan di Petaling Jaya perlu diperhebatkan dan mengangap usaha yang positif ini perlu dipercepatkan," kata Abdul Khalid.

Dalam program itu, Abdul Khalid merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Datum In-City yang turut dihadiri Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Teresa Kok Suh Him.

Ini merupakan projek per-

kongsian bijak antara Kerajaan Negeri, PKNS dan Western Digital.

Ia juga akan digunakan pekerja industri di kawasan sekitar yang menerapkan konsep kehijauan menerusi penyediaan taman berlandskap di atas bumbung dan podium setiap tingkat selain hab pengangkutan yang strategik.

# 150,000 geran hak milik strata tertanggung dikesan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mengesan terdapat lebih 150,000 kes hak milik strata tertanggung melibatkan pemilik premis bertingkat seperti pangsapuri, kondominium dan sebagainya di seluruh Selangor.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Samad menjelaskan, kebanyakan kes tersebut adalah sebelum 2007, di mana penggunaan peruntukan undang-undang masih belum menyeluruh, di samping kekurangan kefahaman terhadap hak milik strata.

Menurutnya, ini ditambah dengan terdapat bangunan bertingkat yang tidak mempunyai dokumen mencukupi akibat pemaju mufis atau tidak berkemampuan dalam urusan permohonan berkenaan.

"Pejabat Tanah dan Galian (PTG) melalui Bahagian Hakmilik Strata sentiasa berusaha membantu pihak yang membuat permohonan bagi mendapatkan hak milik strata ini.

"Bagaimanapun kita mengalami kes rumit akibat tiada kerjasama daripada pemilik premis sendiri yang kebanyakan tidak memahami prosedur walaupun ia dipermudahkan.

"Permohonan perlu mengikut

saluran dibenarkan seperti melalui Badan Pengurusan Bersama (JMB) di samping beberapa syarat lain," katanya.

"Untuk kes-kes tertunggak dipercayai mengambil masa kira-kira tiga hingga lima tahun untuk diselesaikan sekiranya semua permohonan memenuhi ketetapan," ujarnya.

Hak milik strata ialah pemilikan terhadap unit-unit bertingkat. Ia adalah skim pembangunan hartanah bangunan atau tanah yang dibahagikan kepada petak dan aksesori biasa di dalam sistem pengurusan hartanah, seperti rumah pangsa, pangsapuri, kondominium, rumah bandar dan lain-lain dalam skim komuniti berpagar.

### Info

Sebarang masalah berhubung: **Bahagian Hakmilik Strata, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

Tel: 03-5544 7000 atau emel: [strata@selangor.gov.my](mailto:strata@selangor.gov.my)

### Info Komplek Pekerja Industri

432 unit kediaman Tiga reka bentuk

- seluas 475 kaki persegi
- seluas 865 kaki persegi
- seluas 971 kaki persegi

Kemudahan lain: Kedai mini, tempat makan dan surau serta kawalan keselamatan



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Penyelenggaraan & Pengawasan Anai-anai Dan Serangga Perosak Lain Di Tujuh (7) Istana DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan serta Rumah Kakitangan Istana Seri Alam Negeri Selangor Darul Ehsan. (Tender Semula)	T1	Terbuka	Kementerian Kewangan.  Kod Bidang: 220901/220301  (Kawalan Serangga Perosak/ Anti Termite Bangunan)	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.  Pada 26.2.2013 (Selasa) Sehingga 4.3.2013 (Isnin)	Lawatan Tapak digalakkan.  Sebarang pertanyaan, Sila berhubung Bahagian Arkitek, JKR selangor: 03-55447724	RM150.00  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  4.3.2013 (Isnin) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

#### \*Jenis Pendaftaran

- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
- A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegawai saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- T2 - Tidak berkenaan





Sebahagian daripada 700 duta Spies yang hadir pada hari pelancaran

# SPIES bantu pembangunan negeri

SHAH ALAM - Program Spiritual, Physical, Intelektual, Emosi dan Sosial (Spies) Selangor yang dimulakan sejak lima tahun lalu berjaya melatih 101,239 rakyat di negeri ini melalui 1,252 program yang dijalankan.

Menurut Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, program Spies ini memberi sumbangan terhadap pembangunan di negeri ini kerana pelaburan di Selangor meningkat dalam lima tahun kebelakangan ini.

Menurut beliau, Selangor menduduki tangga pertama dengan sumbangan tertinggi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Selangor dengan menyumbang sebanyak 23 peratus.

"Saya sangat berterima-kasih dalam lima tahun penglibatan saudara-saudara semua, apa yang berlaku, Selangor membangun lebih bertambah dalam lima tahun ini.

"Spies mengajar kita memberikan sumbangan dan sumbangan saudara adalah sebahagian daripada kejayaan kita," katanya selepas merasmikan peralancaran Pembudayaan Spies Negeri Selangor di Dewan Jubli Perak, Bangunan Setiausaha Kerajaan Ne-

geri Selangor di sini.

Program pembangunan modal insan ini dilaksanakan mengikut beberapa kategori seperti Spies Remaja, Spies Belia, Spies Siswa, Spies Penjawat Awam, Spies Warga Pendidik, Spies Kepimpinan Masyarakat, Spies Keluarga, dan Spies Profesional.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali berkata, modul program ini dibentuk bersandarkan kepada falsafah Spies yang dibangunkan oleh ahli akademik, ahli agamawan, dan perunding berpengalaman dalam bidang pendidikan.

"Modul Spies menggunakan beberapa teori dalam pendidikan seperti teori pembangunan manusia, falsafah pendidikan Islam, falsafah pendidikan kebangsaan, sosiologi Islam dan modul ini menekankan nilai universal dan prinsip universal," katanya di hadapan 700 duta Spies dalam pelbagai bidang.

Katanya, program Spies ini diharap akan menjadi satu model pembangunan insan bagi seluruh rakyat di negeri ini dalam usaha menjadikan Selangor sebuah negeri yang aman, sejahtera dan berkeadilan.



Menteri Besar melancarkan Pembudayaan Spies Negeri Selangor



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Penyiapan Baki Kerja Dua (2) Blok Empat (4) Tingkat Dan Satu (1) Buah Kantin Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Sekolah Rendah Agama Sungai Tangkas, Dalam Daerah Hulu Langat, Selangor.  No.Tender : JKR/SEL(N) 004(T) /2013	T1  <i>Diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)</i>	Bumiputera (PKK)	CIDB  Gred : G6  Kategori: B  Pengkhususan: B04	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor Shah Alam.  Pada 28.02.2013 (Khamis) hingga 13.3.2013 (Rabu)	Lawatan Tapak digalakkan.  Sila berhubung Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan 03-55447755  JKR Hulu Langat: 03-89114040	RM400.00  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  20.3.2013 (Rabu) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

**\*Jenis Pendaftaran**

- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
- A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- T2 - Tidak berkenaan



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembinaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Kerja-kerja Membaikpulih Tanah Runtuh Di Sungai Lalang (Laluan B19) Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.  No.Tender : JKR/SEL(N) 002(T)/ 2013	T1  <i>Diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)</i>	Bumiputera (PKK)	CIDB  Gred : G7  Kategori: CE  Pengkhususan: CE01, CE08, CE21 & CE34	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor, Shah Alam.  Pada 25.02.2013 (Isnin) hingga 4.3.2013 (Isnin)	Lawatan Tapak digalakkan.  Sila berhubung Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan 03-55447755  JKR Hulu Langat: 03-389114040	RM590.00  (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  11.3.2013 (Isnin) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

**\*Jenis Pendaftaran**

- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
- A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- T2 - Tidak berkenaan



Oleh HAFIZAN TAIB

**KLANG** - Penduduk Kampung Bukit Kerayong 2 di sini tidak lagi menghadapi masalah untuk ke kawasan perkuburan Islam apabila Kerajaan Negeri membina laluan di situ.

Menerusi peruntukan geran Selangorku berjumlah lebih RM200,000, Pusat Khidmat Masyarakat DUN Meru bertindak segera mengatasi masalah penduduk kampung sejak puluhan tahun lalu.

Muhamad Amir Sarwan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKKK) kampung tersebut melahirkan kegembiraannya berikutan keprihatinan Kerajaan Negeri akan kesusahan dihadapi masyarakat kampung berkenaan.

"Selama ini laluan ke kawasan perkuburan kampung ini yang terletak di atas bukit hanyalah jalan tanah yang akan menimbulkan masalah apabila berlaku hujan.

"Jika ada kematian, maka orang kampung terpaksa meredah laluan berlumpur untuk sampai ke kawasan itu. Sekarang ini tentunya orang di sini bergembira dengan terbinanya jalan raya ini," katanya yang menetap lebih 40 tahun di kampung berkenaan.

Sebelum ini katanya, terdapat beberapa cadangan untuk tujuan tersebut tetapi

**Jika ada kematian maka orang kampung terpaksa meredah laluan berlumpur untuk sampai ke kawasan itu. Sekarang ini tentunya orang di sini bergembira dengan terbinanya jalan raya ini**

**MUHAMAD AMIR**  
JKKK Kampung Bukit Kerayong



GERAN *selangorku*

**SELESA...**  
orang kampung tidak perlu lagi meredah laluan berlumpur untuk ke kawasan perkuburan

**Bawah:**  
Mawandi (kanan) dan Muhamad Amir (tengah) meninjau jalan yang sudah ditar

# Jalan mudahkan penduduk ke kawasan perkuburan

tidak menjadi kerana memasuki kawasan tanaman orang kampung.

Pembantu Peribadi Adun Meru, Mawandi Misar menjelaskan, projek pembinaan jalan raya sepanjang kira-kira 500 meter itu bermula pada Ogos tahun lalu dan disiapkan kira-kira sebulan selepas itu.

"Kita cadangkan pembinaan jalan raya itu selepas mendapat permohonan daripada Pengerusi JKKK kampung itu.

"Kerajaan Negeri meluluskan pembinaannya dengan peruntukan geran Selangorku demi kebaikan orang kampung di kawasan itu," katanya.

Menurutnya, Adun Meru, Dr Rani Osman akan terus berusaha menyelesaikan masalah penduduk tempatan bersesuaian dengan misi Kerajaan Negeri yang mengutamakan kebajikan rakyat menerusi agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.



## Pangsapuri Kos Rendah SS19 nikmati WiFi percuma



**SUBANG JAYA** - Perkhidmatan WiFi secara percuma kini dapat dinikmati sebahagian daripada warga Subang Jaya sejak Disember tahun lalu, yang disediakan di bawah peruntukan Geran Selangorku.

Mengambil kira faktor kepadatan dan pendapatan sederhana

penduduk, penghuni Pangsapuri Kos Rendah SS19 di sini berpeluang memanfaatkan perkhidmatan tersebut.

"Ia juga sebagai kemudahan kepada kanak-kanak dan guru sebuah tadika yang terdapat di kawasan perumahan ini.

"Sejak adanya WiFi percuma

ini, sambutan daripada warga penduduk terutamanya remaja begitu menggalakkan dan ini satu respons yang baik," ujar pegawai Pusat Khidmat DUN Subang Jaya, Khai Kien.

Sementara itu, Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh, berharap agar sumbangan material

dan moral dapat diberi kepada tadika berkenaan dalam usaha menjadikan warga kanak-kanak sebagai celik internet.

"Kami sangat mengalu-alukan mana-mana pihak untuk memberi sumbangan komputer mahupun mengadakan kelas komputer kepada kanak-kanak tadika.

"Ini seterusnya bagi memastikan agar perkhidmatan yang diusahakan Kerajaan Negeri ini dapat memberi manfaat kepada rakyat sedari awal usia lagi," ujar Hannah.

Bagi mana-mana pihak yang berminat untuk memberi sumbangan boleh menghubungi Pejabat DUN Subang Jaya.

Perkhidmatan WiFi percuma tersebut menggunakan talian Unifi dengan pakej Biz berkelayakan 5 MBPS.



**Penduduk berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menyediakan WiFi percuma**  
Kanan: Hannah menunjuk ajar kanak-kanak ini cara-cara melayari Internet



# Notis pengambiln tanah kepada Raja Ropiaah

**PETALING JAYA** - Notis Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 harus diberikan kepada Ketua Wanita Umno Selangor, Raja Ropiaah Raja Abdullah.

Tindakan tersebut harus diambil bagi mengelakkan tanah seluas 223 ekar itu diserahkan kepada Ketua Wanita Umno Selangor itu melalui sebuah syarikat milik Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Jendela Hikmat Sdn Bhd.

Menurut Rafizi Ramli, yang juga Pengarah Strategi PKR, Perkara 3.2 perjanjian antara syarikat milik Raja Ropiaah, Awan Megah dengan Bakti Wira Sdn Bhd, Awan Megah akan menandatangani satu

perjanjian perkongsian tanah dengan Jendela Hikmat.

"Saya sudah tulis surat secara rasmi kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Jika notis ini dikeluarkan, secara automatik, Perkara 8.2 di dalam perjanjian berkuatkuasa dan wajarlah keseluruhan urus niaga ini dibatalkan seperti diperuntukkan di dalam perjanjian," kata Rafizi pada sidang di Ibu Pejabat PKR, Merchant Square, Tropicana.

Terdahulu, Kerajaan Negeri menyerahkan tanah kepada Kerajaan Persekutuan sebelum Kerajaan Persekutuan memberikan tanah tersebut kepada LTAT untuk membina

kem tentera dan juga untuk membiayai pelbagai aktiviti-nya.

Bagaimanapun LTAT melalui beberapa anak syarikatnya, selain didapati tidak menepati syarat pembangunan tanah, LTAT juga didapati cuba menyerahkan tanah tersebut kepada syarikat milik Ketua Wanita Umno Selangor, sekaligus dianggap merugikan anggota tentera dan rakyat.

Dalam Akta Pengambilan Tanah 1960, Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk mengambil semula tanah tersebut sekiranya didapati pihak terlibat melanggar syarat pengambilalihan tanah atau bertindak merugikan kepentingan awam.



Rafizi sewaktu sidang media di Ibu Pejabat PKR



BANDAR SUNGAI LONG

SIAP 95%

Harga Bumiputera  
**RM448,800**  
ke atas

Teres dua tingkat  
Saiz Lot : 22' x 65'  
Binaan Kasar : 2,078 kps.  
14 unit sahaja

**SURIA**

**Pelaburan Berbaloi Lagi Menguntungkan!**

Anda pasti tidak sabar ingin memiliki kediaman sendiri. Bandar Sungai Long kini menawarkan Suria Homes yang pasti sukar dilepaskan. Rumah teres direka khusus dengan ruang maksimum yang sangat sesuai didiami buat penghuni kota masakini. Datanglah ke Bandar Sungai Long hari ini dan anda lihatlah sendiri kediaman hebat yang mampu dimiliki ini.



Untuk dapatkan tanah 'percuma'

## Noh dibidas cuba guna MARDI

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**KELANA JAYA** - Datuk Seri Noh Omar dibidas kerana didakwa menggunakan nama MARDI untuk mendapatkan tanah secara 'percuma' bagi pembinaan Kampus Universiti Perdana di Serdang.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, pembinaan kampus itu terletak di tanah yang dimiliki oleh Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang bertujuan untuk penyelidikan pertanian yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

"Ia bukan bertujuan untuk membuat *business*, kalau untuk tujuan itu Kerajaan Negeri lebih pandai.

"Saya tidak menahan pembangunan itu, tetapi dia kena membelinya pada harga pasaran," kata Abdul Khalid.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Perasmian Pecah Tanah Kompleks Kediaman Pekerja Industri di sini.

Ujar Abdul Khalid, Kerajaan Negeri bertindak enggan meluluskan syarat tukar tanah itu bagi

kepentingan rakyat Selangor.

"Jadi saya perlu pertahankan hak rakyat Selangor.

"Kita perlu dapatkan harga premium baru daripada pembangunan yang baru itu," kata Abdul Khalid.

Sebelum ini, Noh Omar digesa tidak meneruskan hasrat menjual tanah milik MARDI di Serdang seluas 200 ekar kepada mana-mana pihak hanya untuk meraih keuntungan.

Pada 25 September 2012, Exco Permodenan Pertanian, Penguurusan Sumber Alam Dan Pembangunan Usahawan, Dr Yaakob Sapari mendedahkan bahawa tanah itu ingin dijual pada harga kira-kira RM14.50 sekaki persegi.

Namun jelas Yaakob, harga pasaran adalah sekitar antara RM80 hingga RM100 sekaki persegi yang disifatkan penjualan itu pada harga yang tidak munasabah serta merugikan rakyat.

Tanah milik MARDI ketika ini sebahagiannya dijadikan tapak Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) dan tapak Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA).

**SUKMA PESONA SDN BHD**  
(243236 - V)  
15th floor, Wisma Sin Heap Lee  
346, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2163 7766

**Pejabat Jualan: 03-9076 2233**

• No. Lesen Pemasu : 7052-3/07-2016/855 • Tempoh sah: 11/07/2011 hingga 10/07/2016 • Permit Jualan & Pengiklanan : 7052 - 3/1764/2013(07) • Tempoh sah: 23/07/12 hingga 22/07/13 • Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan & no. rujukan : Majlis Perbandaran Kajang MPKJ.6/P/67/2010 • Tarikh jangka siap : Mac 2013 • Bebanan: Tiada • Hak Milik : Pajak 99 tahun (tamat tempoh 20/7/2110) • Jumlah Unit : 14 • Harga Bumiputera: RM 448,800 hingga RM 458,800 • Sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindah milik dengan apa cara sekalipun melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa Negeri.



# Rakyat dinasihati jangan jual tanah

Oleh NORHAYATI UMOR

**KUALA SELANGOR** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, menasihati mana-mana pemilik tanah supaya tidak menjual tanah ketika ini.

Abdul Khalid berkata, beliau percaya masa akan datang harga tanah akan meningkat naik berbanding masa kini, ekoran Selangor terus ulung dalam sektor pelaburan.

"Kita di Selangor menjadi johan dalam pelaburan. Negeri kita mencatatkan pelaburan tertinggi di Malaysia.

"Jadi penduduk perlu menjaga tanah mereka supaya tidak tergedai atau dijual," katanya dalam ucapanannya di Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di Dewan SJKC Simpang Tiga, di sini.

Hadir sama Puan Sri Salbiah Tunut Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad dan Exco Kerajaan Negeri, Elizabeth Wong.

Berdasarkan statistik Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia



Menteri Besar dan isteri memberi angpau kepada golongan warga emas

(MIDA) sejak 2008 hingga Oktober 2012, Selangor muncul negeri tertinggi menerima pelaburan sebanyak RM-48.53 bilion.

Prestasi ini adalah terbaik berbanding Kerajaan Umno-BN sebelum ini.

Dalam pada itu, Abdul Khalid berharap Kerajaan Negeri dapat mengambil alih industri perkhidmatan air.

Katanya, tawaran yang diberikan

kepada empat syarikat konsesi itu akan menguntungkan rakyat Selangor.

"Kita ambil alih pengurusan air, kita tawarkan RM9.65 bilion. Saham itu akan jadi milik rakyat Selangor," katanya.

Dalam majlis yang sama, Abdul Khalid turut menyampaikan 'angpau' kepada kira-kira 1,000 tetamu yang hadir.

**Jadi penduduk perlu menjaga tanah mereka supaya tidak tergedai atau dijual**

**- ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

## Bername diminta perbetul fakta isu air

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri menegaskan bahawa artikel Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) bertajuk 'Air Selangor Dalam Keadaan Kucar-kacir' yang disiarkan pada 26 Februari lalu oleh beberapa akhbar dan portal berita mengelirukan.

Ia juga mengandungi kesalahan fakta berhubung usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan air yang lebih baik dan cekap pada kadar tarif munasabah.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dalam suratnya kepada Ketua Editor Bernama, Datuk Yong Soo Heong berkata, Kerajaan Negeri meletakkan tanggungjawab membetulkannya atas bahu Bernama yang cuai di dalam memilih pendapat 'pakar' yang meragukan.

Ujar beliau, kenyataan seorang ahli akademik Dr Zaharuddin Ahmad Sabri yang mendakwa konon dirinya seorang pakar air, lantas Bernama merumuskan bahawa pengurusan dan infrastruktur air di Selangor dalam keadaan kucar-kacir.

"Agak sukar untuk mengiktiraf beliau sebagai pakar air kerana dari semakan yang lakukan, tiada satu makalah pun samada terbitan buku mahu pun artikel pendek yang pernah beliau hasilkan khusus dalam pengurusan industri air," kata Abdul Khalid.

Tambah Abdul Khalid, kenyataan Dr Zaharuddin yang mempersoalkan kemampuan kewangan Kerajaan Negeri membiayai tawaran RM9.65 bilion bagi membeli empat syarikat konsesi air dipertikaikan.

"Nampak jelas beliau sebenarnya tidak mengkaji Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang merangkan secara terperinci penstrukturan semula industri perkhidmatan air.

"Selaras dengan Akta 655, aset air negeri dipindahkan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) pada nilai yang ditetapkan.

"Oleh itu, pemerolehan aset air akan dibiayai oleh PAAB, sementara Kerajaan Negeri akan membiayai pemerolehan nilai ekuiti konsesi," katanya.

**Nampak jelas beliau (Ketua Editor Bernama) sebenarnya tidak mengkaji Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)**

Jelas Abdul Khalid, pada masa ini beberapa institusi kewangan tempatan dan asing menunjukkan minat untuk membiayai perjanjian ini bagi pihak rakyat Selangor.

Tawaran ini munasabah kerana memberi pulangan 12 peratus setahun kepada pemegang saham disamping semua aset dan liabiliti diambilalih Kerajaan Negeri.

"Kita menegaskan bahawa penstrukturan semula industri perkhidmatan air adalah amat penting untuk memastikan rakyat Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya menikmati perkhidmatan air yang cekap dan berbaloi," ujar beliau.

Lagi berita di muka 3, 4 dan 5

dari muka belakang

## Pengguna air lebih berjimat, elak bayar bil

Setiap sambungan merujuk kepada bekalan air bermeter yang disambungkan ke premis pengguna domestik.

Penurunan penggunaan sebanyak 2.2 meter padu sebulan itu menyangkal kritikan sebelum ini bahawa skim air percuma akan membawa kepada pembaziran.

Sebaliknya, kata Ahli Parlimen Charles Santiago, skim tersebut mengajar rakyat Selangor untuk berjimat dalam menggunakan air kerana tidak mahu membayar bil air RM 11.40 sebulan.

"Biasanya kita menganggap bahawa kalau sesuatu itu diberi secara percuma, ia akan menyebabkan pembaziran. Tetapi sebaliknya berlaku di dalam kes skim air percuma.

"Pengguna yang mendapat 20 meter padu setiap bulan akan berusaha untuk berjimat cermat supaya tidak membazirkan bekalan air dan mereka tidak payah bayar bil air.

"Ini satu lagi pencapaian bagi Kerajaan Selangor," kata Charles yang juga pengerak Gabungan Menentang Pensewastan Air.

Laporan jawatankuasa itu digubal menggunakan data Panduan Industri Air Malaysia (MWIG) 2009, 2011 dan 2012 yang diperakui oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Menurut data MWIG pada tahun 2008, penggunaan per sambungan sebulan adalah 34.8 meter padu berbanding dengan 2007 iaitu 35 meter padu.

Selepas 2008 trend menunjukkan penurunan kepada 34.5

WAKTU SOLAT SELANGOR							
1 - 8 MAC							
18 - 25 RABIULAKHIR 1434							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
1 Jumaat	5:59	6:09	7:25	1:28	4:43	7:29	8:38
2 Sabtu	5:58	6:08	7:25	1:28	4:43	7:29	8:38
3 Ahad	5:58	6:08	7:24	1:28	4:42	7:29	8:38
4 Isnin	5:58	6:08	7:24	1:28	4:42	7:28	8:38
5 Selasa	5:58	6:08	7:24	1:28	4:41	7:28	8:37
6 Rabu	5:57	6:07	7:23	1:27	4:40	7:28	8:37
7 Khamis	5:57	6:07	7:23	1:27	4:40	7:28	8:37
8 Jumaat	5:57	6:07	7:23	1:27	4:39	7:28	8:37
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
1 Jumaat	6:01	6:11	7:27	1:30	4:45	7:31	8:40
2 Sabtu	6:00	6:10	7:27	1:30	4:45	7:31	8:40
3 Ahad	6:00	6:10	7:26	1:30	4:44	7:31	8:40
4 Isnin	6:00	6:10	7:26	1:30	4:44	7:30	8:40
5 Selasa	6:00	6:10	7:26	1:30	4:43	7:30	8:39
6 Rabu	5:59	6:09	7:25	1:29	4:42	7:30	8:39
7 Khamis	5:59	6:09	7:25	1:29	4:42	7:30	8:39
8 Jumaat	5:59	6:09	7:25	1:29	4:41	7:30	8:39



## Air percuma: Pengguna lebih berjimat

Laporan Jawatankuasa Pemantauan

Oleh SHERIDAN MAHAVERA

**SHAH ALAM** - Penggunaan air di seluruh Selangor menurun sejak Pakatan Rakyat (PR) melaksanakan skim 20 meter padu air percuma.

Selain itu, lebih 1.3 juta keluarga setahun jimat RM1,200 sejak lebih empat tahun skim itu dijalankan.

Manakala bagi segelintir pengguna yang masih tidak mendapat skim air percuma, mereka berjaya berjimat sebanyak RM875.00 dalam lima tahun. Ini selepas Kerajaan Selangor menyekat kenaikan tarif air oleh Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas).

Perangkaan tersebut dibuat berdasarkan tarif 20 meter padu air sebulan yang berjumlah RM11.40.

Sekiranya Kerajaan Pakatan Rakyat tidak mentadbir Selangor dan Syabas dibenar menaikkan tarif air, kos air untuk satu isi rumah mulai Januari 2013 adalah RM18.80 sebulan untuk 20 meter padu.

Selain menjimatkan wang pengguna, skim tersebut menyebabkan penjimatan penggunaan air di seluruh Selangor sejak 2007, menurut satu Laporan Jawatankuasa Pemantauan Air Selangor baru-baru ini.

Jawatankuasa itu mendapati daripada tahap penggunaan sebanyak 35 meter padu untuk satu sambungan pada 2007, penggunaan air menurun sebanyak 32.8 meter padu untuk setiap sambungan pada 2011.

[Lihat muka 15](#)



**DIBELA...** kanak-kanak ini kelihatan ceria semasa Anugerah Tunas Pendidik, sempena Hari Tadika Selangor 2013 di Stadium Malawati Shah Alam. Di Selangor, mereka diberi bantuan RM50 melalui Skim Bantuan Tadika Selangor (Tunas) bagi keluarga yang pendapatan isi rumah di bawah RM1,500 sebulan

Untuk informasi  
& berita terkini

Layari [www.tvsnews.net](http://www.tvsnews.net)



BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO